

PROGRAM KHIDMAT KOMUNITI DI MASJID DARUL KAMPUNG TAMBEY, KOTA SAMARAHAN



Pada 11 Mei 2024 (Sabtu), Unit Kepimpinan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak telah menganjurkan program khidmat komuniti yang melibatkan seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar dari pelbagai pusat pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma dengan kerjasama JKKK Kampung Tambey dan Jawatankuasa Pengurusan Masjid Darul Salam, Kampung Tambey, Kota Samarahan dan disokong sepenuhnya oleh Pejabat Daerah Kota Samarahan. Program ini adalah sebahagian daripada keperluan Modul Kepimpinan Profesional (Juara Komuniti) yang bertujuan untuk membina jaringan komuniti antara pelajar UiTM Cawangan Sarawak dan masyarakat desa di sekitar Kota Samarahan sekaligus menjadi wadah kepada para pelajar untuk mempraktikkan kemahiran komunikasi dan menghasilkan kertas kerja program komuniti yang berimpak tinggi.

Program ini bermula dengan lawatan kajian lapangan di mana para pelajar dibahagikan kepada kumpulan kecil dan bergerak ke rumah yang telah dikenalpasti oleh JKKK Kampung Tambey untuk sesi temuduga. Hasil kajian lapangan ini dianalisa untuk menghasilkan kertas kerja program komuniti berimpak tinggi dengan panduan daripada para fasilitator yang terdiri daripada Dr Wan Juliana Emeih Wahed (Pensyarah Kanan Kolej Pengajian Seni Kreatif), Encik Sharin bin Sulaiman (Pensyarah Kanan Pusat Pengajaran Sains Maklumat), Cik Affiana binti Kadri (Pensyarah Akademi Pengajaran Bahasa), Encik Mohamad Salihin bin Saleh (Penolong Pegawai Keselamatan) dan Encik Mohd Noor bin Ismail (Penolong Pengurus Asrama) dan diketuai oleh Encik Mohamad Asmadzy bin Ahmad Basra, Ketua Unit Kepimpinan Pelajar, UiTM Cawangan Sarawak.

Selepas kajian lapangan selesai, para pelajar kemudiannya berehat sebelum memulakan aktiviti pembersihan bilik stor simpanan, tandas, ruang wuduk dan rumah wakaf hakmilik pihak masjid. Program ini tamat sekitar pukul 4.00 petang dengan majlis penutupan dan penyampaian cenderahati dan sesi bergambar.